



KAMPUNG Mutiara, Batu Feringghi yang merupakan kampung tradisional Melayu akan dirobohkan dalam masa tiga bulan lagi oleh pemilik tanah berkenaan. - BERNAMA

Contoh 'keprihatinan' terhadap Melayu Pulau Pinang

Oleh **MOHD. KHUZAIRI ISMAIL**
pengarang@utusan.com.my

NASIB penduduk Kampung Mutiara, Batu Feringghi, Pulau Pinang tidak sepatutnya berakhir dengan dihalau dari tanah yang diduduki mereka sejak berpuluh-puluh tahun lalu jika Kerajaan DAP Pulau Pinang sedikit berusaha menyelamatkan kampung itu.

Sejak tercetusnya pertikaian status pemilikan tanah di kampung itu, apa yang diharapkan penduduk adalah kerajaan negeri dapat membeli semula tanah itu daripada pemiliknya dan mereka dapat tinggal lebih lama di tanah berkenaan.

Harganya mungkin tinggi melihat kepada nilai pasaran semasa. Tetapi jika kerajaan negeri pantas bertindak dan menyelesaikan isu pertikaian tanah ini lebih awal, keadaan mungkin lebih baik buat penduduk kampung berkenaan ketika ini.

Soal kemampuan bukanlah isu kepada Kerajaan DAP Pu-



lau Pinang sementelah kerajaan negeri acap kali berbangga dengan hasil kekayaan negeri dan kejayaan mengurangkan hutang kepada kerajaan Pusat selama ini.

Pendapatan daripada kenaikan tarif dan surcaj air juga khabarnya berjuta-juta. Begitu juga dengan cukai pintu yang tarifnya dinaikkan sebelum ini.

Keuntungan daripada penjualan tanah yang rancak dibuat kerajaan negeri sejak lapan tahun memerintah negeri ini juga pastinya ada lebihan. Begitu juga dengan bayaran daripada pemaju-pemaju yang diluluskan projek-projek perumahan mewah serta bangunan komersial di negeri ini.

Apakah sukar untuk Kerajaan DAP Pulau Pinang mengambil sedikit peruntukan daripada sekian banyak perolehan itu un-

tuk menyelamatkan Kampung Mutiara? Kita juga masih ingat bagaimana Pejabat Ketua Menteri dalam bajet tahun ini menerima tambahan peruntukan sebanyak RM546 juta atau lebih 400 peratus berbanding tahun lalu.

Difahamkan peruntukan RM707.61 juta kepada Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan itu adalah antara peruntukan pembangunan di negeri ini.

Apakah tidak boleh untuk peruntukan yang luar biasa tinggi kepada Pejabat Ketua Menteri itu digunakan untuk membela penduduk Kampung Mutiara?

Akhirnya, apa yang dialami oleh penduduk Kampung Mutiara adalah kerana sejarah hidup dan kampung mereka tidak mempunyai apa-apa nilai komersial.

Mereka bukanlah bersendirian kerana sejak beberapa tahun lalu, berpuluh-puluh kampung Melayu di Pulau Pinang juga menerima nasib serupa dan perlahan-lahan dilenyapkan dari peta negeri ini.